

HSSE

BULETIN

ISU 24

UTAMAKAN KESELAMATAN KETIKA MENGENDALIKAN MESIN



KESELAMATAN PEKERJAAN

MS | 2

UTAMAKAN KESELAMATAN
KETIKA MENGENDALIKAN MESIN



KESIHATAN

MS | 4

ADAKAH BUAH PINGGANG
ANDA SIHAT?



KESELAMATAN PEKERJAAN

MS | 5

PENGAJARAN DARIPADA
KEJADIAN KEMALANGAN

Utamakan Keselamatan Ketika Mengendalikan Mesin


Di dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan penyelenggaraan jentera, mesin digunakan bagi memudahkan dan mempercepatkan pekerjaan.



Amalan Selamat Ketika Mengendalikan Mesin



Jangan Amalkan




Peka Terhadap Papan Tanda Amaran



Adakah Buah Pinggang Anda Sihat?

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 40,000 penduduk Malaysia menghidap penyakit buah pinggang dengan 8,000 pesakit baru didiagnosis setiap tahun sejak 2018.

Seciranya trend kenaikan ini berterusan, dijangkakan kira-kira 106,000 rakyat Malaysia memerlukan rawatan dialisis pada tahun 2040, di mana 30 peratus adalah berusia di bawah 45 tahun.



SIMPTOM



Keletihan



Mual



Kerap buang air kecil pada waktu malam



Bengkak di keliling mata



Kekejangan otot pada waktu malam



Bengkak kaki



Punca Kegagalan Buah Pinggang

- Tekanan darah tinggi atau hipertensi
- Sakit kencing manis atau diabetes
- Tahap kolestrol yang tinggi
- Penyakit kardiovaskular
- Mengambil ubatan-ubatan tanpa preskripsi doktor
- Sejarah keluarga yang menghidap penyakit buah pinggang
- Kecederaan fizikal seperti kemalangan
- Peningkatan umur iaitu individu berumur lebih 60 tahun

Penjagaan Buah Pinggang



Kawal berat badan dan kekalkan berat badan yang ideal



Makan lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran



Kurangkan kadar pengambilan garam dan gula



Mengawal kadar gula dalam darah



Berhenti merokok



Membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala

Awas! Penyakit buah pinggang adalah pembunuh dalam senyap. Pesakit biasanya tidak menunjukkan simptom sehinggalah berlakunya kemerosotan sekitar 50 hingga 70 peratus fungsi tisu buah pinggang

Pengajaran Dari Kejadian Kemalangan

Butir-butir Kejadian

Mangsa adalah pekerja baharu (*junior*). Pada hari kejadian mangsa sedang membantu senior mekanik memasang camshaft pada blok enjin di bengkel syarikat. Ketika itu mangsa mengendalikan di bahagian depan (*gear*) camshaft manakala senior mekanik mengendalikan camshaft di dalam blok enjin. Ketika mangsa menyelaraskan camshaft, jari mangsa tersekit di antara celahan gear dan bolt yang berada di bawah gear tersebut.

Tarikh kemalangan

27 Jun 2022

Bilangan Hilang Hari Bekerja

32 hari

Langkah Pembaikan

1. Memberi lebih banyak pendedahan kepada pekerja-pekerja baharu untuk mengenal pasti hazard dan mentaksir risiko sebelum memulakan pekerjaan.
2. Membuat pemantauan dan meningkatkan komunikasi bagi memastikan 'SOP' dipatuhi.
3. Meningkatkan kesedaran kepada pekerja tentang hazard dan risiko melalui toolbox meeting.



Jari kelinking mangsa tersekit di antara gear dan bolt di bawah gear.

Kuiz Keselamatan Ketika Percutian

Lengkapkan silangkata di bawah di dalam SafeUhub. Tiga peserta terawal dan berjaya menjawab dengan tepat akan menerima penghargaan dari Jabatan HSSE.

Pemenang pertama RM100

Pemenang kedua RM70

Pemenang ketiga RM50


Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 Jun 2023

Melintang

3. Elakkan bermain di _____ dan sungai ketika cuaca buruk
4. Bawa bekalan _____ yang diperlukan
5. Periksa _____ sebelum memulakan perjalanan

Menegak

1. Pilih makanan yang bersih untuk mengelakkan _____ makanan
2. Sentiasa peka dengan dengan keadaan _____ dan persekitaran
6. Jaga kebersihan _____ setiap masa



ISO 45001:2018 | Perundingan dan Penglibatan Pekerja

Memandangkan pekerja merupakan aset yang paling berharga bagi sesebuah organisasi, perundingan dan penglibatan pekerja di dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah sangat penting.

Organisasi dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk :

Menyediakan suatu medium atau platform perundingan dan memastikan penglibatan pekerja	Menyediakan latihan dan maklumat kepada pekerja	Menyediakan sumber-sumber yang mencukupi seperti kewangan, dan modal insan bagi membolehkan proses perundingan dan penglibatan pekerja berjalan lancar dan berkesan	Mengurangkan atau memastikan tiada halangan-halangan yang boleh mengganggu proses perundingan dan penglibatan pekerja
---	---	---	---

Apa itu Perundingan dan Penglibatan Pekerja?

Perundingan bermaksud 'meminta pandangan sebelum membuat sesuatu keputusan'

Penglibatan pekerja bermaksud 'penyertaan di dalam membuat keputusan'

Medium Perundingan dan Penglibatan Pekerja

 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	 Mesyuarat dan perjumpaan bersama pekerja seperti Mesyuarat Jabatan	 Townhall	 Sesi perbincangan	 Bengkel	 Kaji selidik (survey)
---	---	---	--	--	--

Pekerja perlu melibatkan diri ketika :

- Menentukan apakah tindakan yang diperlukan bagi menghapuskan hazard dan risiko
- Menentukan apakah tindakan yang diperlukan bagi menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko
- Menentukan jenis latihan yang sesuai dan yang diperlukan oleh mereka
- Mengenalpasti isu-isu yang perlu dikongsikan kepada pekerja
- Siasatan kemalangan di tempat kerja dan mencadangkan tindakan-tindakan pembedahan

Perundingan dengan pekerja perlu dijalankan ketika :

- Merangka Polisi Kesihatan dan Keselamatan
- Menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan perundingan
- Menentukan objektif keselamatan dan kesihatan syarikat dan program-program yang akan dijalankan bagi mencapai objektif tersebut
- Perancangan dan pelaksanaan program audit

Pihak pengurusan UMW amat menggalakkan perundingan dan penglibatan semua pekerja di dalam semua aspek termasuk keselamatan dan kesihatan sebagaimana dinyatakan dengan jelas di dalam Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar syarikat.

Polisi kesihatan, keselamatan dan alam sekitar



Pelaporan Buangan Terjadual (Scheduled Waste) Secara Atas Talian Melalui SafeUhub

SafeUhub telah menyediakan satu platform dimana kakitangan yang bertanggungjawab perlu mengemaskini status pematuhan buangan terjadual mereka di dalam SafeUhub pada setiap bulan bagi pemantauan oleh pihak pengurusan dan juga Jabatan HSSE. Pelaporan secara atas talian ini adalah untuk memastikan pengurusan buangan terjadual mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Laporan ini antara lain meliputi :

- Perlabelan buangan terjadual
- Tempat penyimpanan buangan terjadual
- Pematuhan terhadap sistem atas talian Jabatan Alam Sekitar (e-SWIS)
- Penyimpanan rekod

Pelaporan bulanan secara atas talian menggunakan ikon 'SWeT System'



SWET MONTHLY DECLARATION TRACEABILITY DATA

Home SWET Monthly Declaration Traceability Data

SWET Monthly Declaration Traceability Data

Year: 2022

Legend:
 Filled In and Approved
 Filled In and Pending Approval
 Not Yet Filled In

Copy Excel CSV PDF

Company	January	February	March	April	May	June	July	August	September	October
UMW Equipment Sdn Bhd	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
UMW Industries (1985) Sdn Bhd, Kota Kinabalu	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
UMW Industries (1985) Sdn Bhd, Malako	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
UMW Industries (1985) Sdn Bhd, Nipa	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>

Pelaporan bulanan akan dipantau oleh Jabatan HSSE melalui SafeUhub

ALAM SEKITAR

Bengkel 'Sustainability Reporting – Understanding Environmental Disclosure Requirements'

Pada 13 & 14 Oktober 2022, Kumpulan UMW telah mengadakan Bengkel 'Sustainability Reporting – Understanding Environmental Disclosure Requirements' di UMW Training Academy (UTA), Shah Alam. Bengkel ini dikelola oleh konsultan yang dilantik iaitu Puan Amarjit Kaur, Pengarah, SHEMSI Sdn Bhd. Seramai 23 orang peserta menyertai bengkel ini yang terdiri dari pengamal HSE dari semua anak syarikat UMW.

Objektif latihan

Membantu peserta meningkatkan kefahaman terhadap kriteria-kriteria yang dinilai di dalam 'UMW Environmental Action Plan (UEAP)'. Ini adalah bagi mencapai matlamat CREST@2021 dimana setiap anak syarikat UMW harus mengambil kira aspek penjagaan alam sekitar di dalam operasi mereka

Memberi pendedahan kepada peserta aspek-aspek alam sekitar yang perlu dilaporkan di dalam *Sustainability Report* mengikut piawaian GRI (Global Reporting Initiative)

Berkongsi maklumat terhadap amalan-amalan terbaik yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi prestasi sedia ada

Modul bengkel tersebut terbahagi kepada empat kriteria alam sekitar yang utama iaitu Perubahan Iklim (Climate Change), Pencemaran dan Sumber (Pollution and Resources), Rantaian Bekalan (Supply Chain) dan Keselamatan Air (Water Security).





AUDIT DALAMAN ISO 45001:2018
UMW SABAH DAN SARAWAK
5 JULAI – 19 OGOS 2022



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI
AUTOMOTIVE INDUSTRIES S/B (AISB)
14 JULAI 2022



LATIHAN PERSEDIAAN KECEMASAN
OLEH BOMBA
MENARA UMW
10 OGOS 2022



AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE)
ISO 45001:2018 OLEH SIRIM
UMW AEROSPACE S/B
1 - 2 SEPTEMBER 2022



AUDIT PENSIJILAN SEMULA
ISO 45001:2018 OLEH SIRIM
UMW SABAH DAN SARAWAK
2 – 17 NOVEMBER 2022



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI
ASSEMBLY SERVICES S/B (ASSB)
6 SEPTEMBER 2022



'WORKPLACE HEALTH PROMOTION'
OLEH MSOSH
KUMPULAN UMW
7 SEPTEMBER 2022



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI
TOYOTA BOSHOKU UMW S/B (TBU)
12 SEPTEMBER 2022



LATIHAN 'HAZARD AND
RISK ASSESSMENT'
UMW SHAH ALAM
13 – 14 SEPTEMBER 2022



LAWATAN HSSE
UMW INDUSTRIES (1985) NILAI,
KLUANG & MELAKA
15, 19 & 20 SEPTEMBER 2022



LATIHAN 'SUSTAINABILITY REPORTING
AND DISCLOSURE'
KUMPULAN UMW
13 – 14 OKTOBER 2022



PROSES PEMBANGUNAN &
LATIHAN APLIKASI SwEt
KUMPULAN UMW
JANUARI - NOVEMBER 2022